

KONSEP DAN PELAKSANAAN FUNGSI MASJID DALAM MEMARTABATKAN MASYARAKAT

Ab. Halim Tamuri¹

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Corresponding Author: Ab. Halim Tamuri, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia. Email: abhalim@ukm.edu.my

Abstrak

Masjid adalah institusi keagamaan yang paling penting dalam Islam khususnya berkaitan dengan aspek pendidikan dan pembangunan masyarakat. Peranan masjid adalah amat besar melalui berbagai agenda, program dan projek pengimarahannya agar masjid dapat dikembalikan untuk membawa penganut Islam ke pangkuan Islam. Ini menjadi semakin signifikan ketika umat Islam hari ini menghadapi krisis akidah sosial, politik dan identiti Muslim yang kritikal. Tujuan artikel ini ialah untuk membincangkan bagaimana masjid boleh melaksanakan fungsi dalam masyarakat Islam masa kini. Terdapat beberapa fungsi yang boleh dilaksanakan iaitu: pusat pendidikan formal dan non-formal; one stop centre (pusat satu hentian) ilmu dan masyarakat; pusat dakwah, perlindungan dan latihan saudara kita; pusat pembangunan teknologi informasi dan komunikasi ummah; pusat dakwah luar masjid; dan pemantapan pengurusan masjid.

Kata kunci: Masjid, Masyarakat, Pusat Satu Hentian

(THE CONCEPT AND THE IMPLEMENTATION OF THE ROLE OF MASJID IN ELEVATING THE SOCIETY)

Abstract

Masjid is the most crucial religious institution in Islamic religion especially in regards of the educational and society developmental aspect. The role of a masjid within the society is huge as it can guide muslims to the righteous path through various agendas, programs and projects. The role of masjid becomes more significant as nowadays as muslims are plagued by the crisis of aqidah and identity, as well as social and political issues. There are a few roles that a masjid can play such as the formal and non-formal education center, a one-stop-center for knowledge and the society, the center of daqwah, a place for refuge and training for the new believers, the center for the society's development of Information technology and communication, mobile center of daqwah, and a place to strengthening the management of a masjid.

Keywords: *Masjid, Society, One Stop Centre*

Received: May 2, 2021

Accepted: June 4, 2021

Online Published: June 30, 2021

1. Pendahuluan

Masjid merupakan sebuah institusi keagamaan yang paling mulia dalam Islam. Di zaman awal perkembangan Islam, institusi masjid menjadi tempat dan pusat kegiatan yang utama dalam sistem negara. Ia menjadi pusat masyarakat Islam yang penting kerana daripada masjid bermula segala perancangan pembangunan umat Islam yang bersifat fizikal mahupun spiritual. Di zaman awal perkembangan Islam, umumnya, perbincangan para ilmuwan menunjukkan bahawa masjid telah memainkan peranan sebagai pusat pemerintahan dan pentadbiran, pusat pendidikan yang bersifat formal dan tidak formal, pusat perayaan dan aktiviti-aktiviti sosial, rumah kebajikan kepada umat Islam yang fakir dan miskin, sebagai pusat Baitulmal dan zakat, pusat perniagaan, pusat penghakiman, pusat perjumpaan dan interaksi sosial masyarakat Islam tempatan dan kaum muslimin lain dari pelbagai pelusuk Semenanjung Tanah Arab. Fungsinya yang luas menjadikan institusi masjid sebagai suatu institusi Islam yang paling mulia dan terpenting di dalam sejarah perkembangan ketamadunan Islam.

2. Institusi Masjid Dalam Islam

Sebagai pusat yang paling utama dan mulia bagi masyarakat Islam, masjid adalah lambang kesatuan dan perpaduan umat Islam. Maka, disebabkan kedudukan yang paling utama dan mulia, maka tidak hairanlah sejak awal lagi bandar-bandar Islam telah dipenuhi oleh bangunan-bangunan masjid samada dibina oleh pemerintah mahupun orang ramai. Perkataan

masjid diambil dari kata kerja dalam bahasa Arab iaitu *sajada* bererti bersujud. Maksudnya apabila seseorang itu taat dan patuh kepada Allah swt maka dia akan sujud kepada Allah swt. Seperti yang dinyatakan di dalam firman Allah swt dalam *al-Ra'd (13:15)*

Bermaksud : Dan kepada Allah jualah sekelian makhluk yang ada di langit dan di bumi tunduk dan patuh samada dengan sukarela atau terpaksa.

Menurut Kamus al-Munjid (1986: 321), masjid dari segi bahasa bermaksud tempat sujud. Perkataan masjid dalam bahasa Arab bermaksud tempat beribadah kerana ia berasal dari perkataan *sajada, yasjudu, sujudan* yang membawa erti tempat sujud atau tempat ibadah. Menurut Lokman Abd Rahman et al. (1996), masjid merupakan binaan yang digunakan untuk sembahyang berjemaah, sembahyang Jumaat, beriktikaf dan melakukan ibadah-ibadah lain serta mempunyai kehormatan-kehormatan yang tertentu. Masjid dalam erti kata inilah yang dimaksudkan oleh firman Allah swt dalam *Al-Quran (surah al-Taubah 9:108)* yang bermaksud:

Sesungguhnya masjid (Quba' yang engkau bina wahai Muhammad) yang telah didirikan di atas dasar taqwa dari mula (pembinaannya) sudah sepatutnya engkau sembahyang di dalamnya. Di dalam masjid itu ada orang-orang yang ingin membersihkan diri. Dan sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bersih.

Mohammad Tajuddin (1998) pula memberi definasi masjid sebagai "*the present architectural terminology, a building used by muslims for the performance of prayer*". Maka dapat difahami masjid ialah tempat ibadah bagi umat Islam, sesuai dengan perkataan masjid itu sendiri yang diambil dari perkataan *sajada* yang bererti sujud, juga membawa erti ketaatan, kesetiaan, tunduk dan patuh sepenuhnya kepada Allah swt. Masjid merupakan pusat ibadah, tempat sumber ilmu pengetahuan dan tempat untuk memupuk semangat perpaduan masyarakat. Seperti firman Allah swt yang bermaksud:

Wahai orang yang beriman, rukuklah dan sujudlah (kepada Allah) dan sembahlah Tuhan kamu dan buatlah kebaikan semoga kamu beroleh kejayaan. (Al-Quran surah al-Hajj 22 : 77)

Di dalam perkembangan awal Islam, masjid merupakan institusi yang utama dan penting kepada umat Islam. Ini boleh dilihat daripada peristiwa bagaimana Rasulullah s.a.w. telah memulakannya sewaktu ketibaannya di Quba' dan di Madinah dengan terlebih dahulu membina masjid. Masjid itu asas pertama dan utama ke arah pembentukan masyarakat Islam kerana dengan masjid itulah masyarakat Islam dapat mengambil suntikan pelalian (*immunity*) dan kekuatan dengan mengikut dan mematuhi segala sistem Islam, aqidah dan peradabannya. Sejarah juga telah menerangkan bagaimana Rasulullah s.a.w. telah mengurus dan menjadikan masjid sebagai pusat ibadah, pusat pendidikan, pusat kegiatan sosial, pusat pembangunan masyarakat, pusat penerangan dan maklumat, pusat kehakiman, pusat perhubungan, pusat interaksi masyarakat, pusat rawatan dan kecemasan, pusat pemulihan dan berbagai jenis pusat lagi. Menurut Lokman (2000), fungsi masjid ketika itu amat besar dan ketara sekali. Ia melambangkan kesepaduan dalam urusan dunia dan akhirat. Tambahnya lagi, pembinaan masjid awal Islam seperti Masjid Al-Haram, Masjid An-Nabawi, Masjid Jami' Cardova, Masjid Al – Azhar dan sebagainya adalah seakan- akan menara gading yang menyinari masa hadapan pelbagai generasi. Manakala Menurut Shaikh Ali (2003), masjid pada masa itu menjadi universiti-universiti yang menguruskan hal ehwal para pelajar yang berminat

menuntut ilmu. Mereka datang untuk mendengar ceramah – ceramah yang disampaikan oleh para ulama dalam pelbagai bidang ilmu seperti syariah, falsafah, perubatan, metamatik, astronomi, kimia dan lain- lain lagi.

Strategi utama dalam membentuk kehidupan beragama sudah tentulah dengan memastikan setiap seorang Muslim menerima Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam sesuai dengan tahap usianya. Ini memerlukan kaedah pengajaran yang berkesan yang seharusnya meliputi semua peringkat golongan umur dan program ini hendaklah mendekati setiap Muslim di persekitaran masjid. Selain tempat melaksanakan ibadat khusus, masjid juga turut dijadikan sebagai tempat untuk menaikkan taraf umat Islam dalam bidang ilmu pengetahuan dan berakhlak mulia. Penyediaan ruang untuk golongan yang menuntut ilmu secara langsung daripada Rasulullah saw membuktikan wujudnya pembelajaran di masjid. Mereka ini digelar ahli Suffah dan pelajar-pelajar yang datang dari jauh dan tinggal dari jauh dan tinggal di masjid juga termasuk di dalam golongan ini.

Sebagai mana yang jelaskan oleh Abdul Shukor (2008), pada zaman Rasulullah saw masjid pertama yang dibina ialah masjid Quba' yang terletak di pertengahan jalan antara Makkah dan Madinah, di sebelah barat daya kota Madinah. Masjid ini dibina sewaktu Rasulullah saw berhijrah dari Makkah ke Madinah, dalam tempoh empat hari sahaja dengan keadaan yang sangat sederhana. Ianya dibina daripada batang-batang dan pelepah-pelepah tamar serta batu-batu merah yang terdapat di sekelilingnya. Walaupun keadaan fizikalnya dhaif, namun fungsi dan penghayatan masjid Quba' ini cukup berkesan dalam melahirkan generasi Quranik yang berkualiti. Tindakan Rasulullah saw membina masjid Quba' sebaik sahaja tiba di Madinah, merupakan langkah politik yang cukup strategik dan bijak. Ini adalah kerana Rasulullah saw mengetahui, melalui institusi masjid ini seluruh tenaga, fikiran dan emosi masyarakat Islam dapat disatukan dan digerakkan untuk pembangunan masyarakat dan Islam. Malah ia juga merupakan langkah terbaik dalam mempertahankan kedudukan politik umat Islam daripada terus ditindas dan diburu oleh golongan musyrik.

Pembinaan masjid ini dari segi psikologinya pula telah memberikan satu keyakinan yang tinggi di kalangan orang-orang Islam di Madinah. Dari sudut yang lainnya, orang-orang musyrikin Makkah dan Madinah merasa tertekan dengan kebangkitan baru umat Islam yang digerakkan oleh institusi masjid. Masjid Nabawi pula didirikan oleh Nabi Muhammad saw di Madinah pada tahun 622 masihi (bulan Rabiul Awal tahun pertama hijrah) pada masa permulaan Nabi Muhammad saw menetap di bandar itu. Masjid Nabawi disiapkan dalam masa 12 hari sahaja dengan keadaan yang sangat sederhana. Setelah sempurna pembinaannya, masjid tersebut terus berfungsi sebagai pusat ibadah, pusat pengajian Islam, pusat pentadbiran negara dan dewan syura bagi masyarakat Islam.

Rasulullah saw telah menjadikan masjid sebagai tempat menjalankan aktiviti Islam, menjawab sebarang persoalan yang diutarakan, memberi fatwa, mengajar, membudayakan musyawarah, menyelesaikan perselisihan, tempat mengatur dan membuat strategi ketenteraan dan tempat pertemuan dengan perutusan perutusan dari Semenanjung Arab. Sementara itu satu bahagian daripada masjid ini dikhaskan untuk pendidikan yang dikenali dengan al-Suffah. Peranan masjid pada zaman Rasulullah saw adalah berpusatkan kemasyarakatan. Peranannya yang pelbagai merangkumi semua aktiviti masyarakat seperti menjadi tempat ibadah yang utama untuk solat berjemaah, solat Jumaat, iktikaf dan sebagainya.

Masjid juga berperanan sebagai pusat pembentukan peribadi muslim yang bertaqwa, sekaligus menjadi pusat perkembangan ilmu pengetahuan. Malah Rasulullah saw menerima wahyu dan menyebarkannya kepada para sahabat juga di masjid. Bahkan banyak ayat-ayat al- Quran diturunkan di dalam masjid.

Pada zaman para sahabat, peranan masjid bertambah sebagai tempat peristirahan khalifah, di mana Saidina Abu Bakar as merupakan khalifah pertama yang menerima bai'ah perlantikan sebagai khalifah Islam di masjid. Begitu juga dengan Saidina Uthman as yang memberikan penjelasan di dalam masjid terhadap fitnah dan tuduhan-tuduhan yang dilemparkan kepada Rasulullah saw . Di samping itu, peranan masjid sebagai pusat perkembangan ilmu pengetahuan sangat pesat pada zaman para sahabat Rasulullah saw. Para sahabat mengambil peranan Rasulullah saw untuk mengembangkan ilmu Islam di masjid masjid. Seterusnya pada zaman Bani Umayyah (tahun 660-750 Masihi) dan Bani Abbasiyyah (tahun 751-1258 Masihi), masjid terus menerus memainkan peranannya sebagai pusat pendidikan dan perkembangan ilmu pengetahuan yang unggul.

Jika dilihat, banyak masjid yang dibina pada zaman Umayyah seperti di Damsyik, Kuffah, Basrah dan Fustat menjadi pusat penyebaran ilmu pengetahuan seperti penterjemahan, hadith, fiqh dan kesusasteraan. Begitu juga di zaman Abbasiyah, Masjid Amru di Mesir, Masjid Basrah, Kuffah, al-Harun dan lain lain, semuanya bolehlah disamatarafkan dengan sekolah malah universiti yang ada pada hari ini. Golongan Muktazilah contohnya, menjadikan masjid al-Mansur di Baghdad sebagai tempat mempelajari ilmu Kalam.

3. Konsep Dan Fungsi Masjid Dalam Memartabatkan Masyarakat

Menurut Kamarul dan Ab Halim (2019), terdapat banyak proses pengajaran dan pembelajaran pada zaman Rasulullah S.A.W berlangsung di dalam masjid. Islam tidak menghadkan risalah masjid hanya untuk menunaikan solat lima waktu sahaja, malahan Rasulullah S.A.W mahukan masjid memainkan peranan yang positif dan dinamik di atas suatu matlamat yang suci iaitu memberi khidmat dalam pembangunan ummah. Namun, sebaliknya yang berlaku hari ini. Realitinya, kebanyakan masjid kini lebih berfungsi sebagai tempat untuk sembahyang waktu dan kuliah keagamaan tidak lagi berfungsi seperti masjid pada zaman keagungan tamadun Islam. Jika dilihat dengan apa yang berlaku, kebanyakan masjid tidak aktif pada waktu siang dan hanya digunakan untuk solat zohor dan asar manakala waktu malam pula aktif daripada maghrib sehingga isyak. Selain daripada waktu itu, masjid-masjid yang tidak digunakan secara maksima oleh mana-mana pihak.

Oleh itu peranan masjid melalui berbagai agenda, program dan projek pengimaran hendaklah diperkasa supaya peranan masjid dapat dikembalikan untuk membawa penganut Islam ke pangkuan Islam, lebih lagi ketika umat Islam hari ini menghadapi krisis aqidah sosial, politik dan identiti yang tenat. Pihak berkuasa, masyarakat dan pengurusan perlu lebih kreatif dan terbuka dalam merancang program untuk pembangunan ummah. Masjid bukan sekadar bermaksud tempat sujud atau tempat untuk ibadah khusus seperti solat dan iktikaf semata-mata. Masjid sebenarnya adalah bermaksud tempat untuk melakukan segala aktiviti manusia yang mencerminkan kepatuhan kepada Allah swt. Dengan demikian, masjid menjadi pusat segala aktiviti dan kegiatan umat Islam dalam melakukan kerja-kerja kebajikan.

Dalam Islam, masjid merupakan pusat dan nadi kegiatan ummah, baik kerohanian atau keduniaan, seperti aktiviti yang menyentuh perhubungan antara manusia dengan pencipta dan perhubungan sesama mereka sendiri dalam menguruskan hal-hal mengenai keagamaan, sosial, ekonomi, keilmuan dan kenegaraan. Terdapat juga masjid-masjid di negara kita yang mempunyai kemudahan perpustakaan, pusat kesihatan, serta kemudahan pembayaran zakat dan juga premis perniagaan. Namun fungsinya dalam pembangunan tamadun ummah masih ditahap minima dan tidak menyeluruh daripada pelaksanaannya. Walaupun di Malaysia, masjid-masjid yang didirikan kaya dengan nilai estetika yang memperlihatkan ciri keindahan yang menggabungkan pelbagai unsur senibina dan mempunyai sistem pengurusan di setiap masjid, namun sejauhmanakah masjid-masjid di negara kita mencapai matlamat untuk membangunkan tamadun ummah yang gemilang? Adakah pengisian program-program dan kualiti aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan seiring dengan keindahan fizikal masjid-masjid yang ada?

Dalam soal pengajaran dan pembelajaran, masjid memainkan peranan sangat penting. Masjid pertama yang dibina oleh Rasulullah saw iaitu masjid Quba', boleh dianggap sebagai asas awal kepada kewujudan institut pendidikan dan ibadah dalam Islam. Kepentingan masjid boleh juga dilihat semasa di Yathrib, di mana tindakan pertama Rasulullah saw semasa sampai di sana ialah membina masjid sebagai institusi pendidikan dan ibadah serta kemasyarakatan. Pembangunan ummah Islam adalah berteraskan perkembangan keilmuan yang mantap yang mana aktiviti-aktiviti yang berasaskan ilmu perlu dimaksimakan di masjid. Terdapat beberapa perkara yang boleh dilaksanakan dengan segera dalam aspek pembangunan ummah Islam yang menyeluruh iaitu:

a. Pusat pendidikan formal dan non-formal

Pada masa kini, kebanyakan masjid menjalankan beberapa program yang berbentuk non-formal seperti kuliah agama berbentuk mingguan atau bulanan, kelas-kelas al-Quran, forum, seminar juga kelas Fardu Ain. Program-program pendidikan non formal ini dijalankan secara berjadual dan dikendalikan oleh pihak ahli jawatankuasa masjid. Umumnya program ini tidak menawarkan sijil atau pun kelulusan yang diiktiraf oleh pihak berkuasa. Namun dalam konteks pendidikan masa kini, masjid seharusnya juga boleh menawarkan tempat untuk pengajaran dan pembelajaran mata-mata pelajaran yang ditawarkan di sekolah-sekolah masa kini, terutamanya mata pelajaran pendidikan Islam.

Dalam pelaksanaan, masjid boleh dijadikan "Makmal Pendidikan Rohani" dalam Pendidikan Islam sama ada dalam menjalankan aktiviti kurikulum atau ko kurikulum. Sehingga kini, kebanyakan guru-guru hanya mengajar pendidikan Islam di dalam bilik darjah sedangkan terdapat masjid atau pun surau yang berhampiran yang boleh dijadikan tempat pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan. Jika kita perhatikan, kebanyakan masjid-masjid yang ada tidak mempunyai apa-apa aktiviti pada waktu siang dan ini boleh dimanfaatkan oleh pihak sekolah yang berhampiran. Umumnya, didapati hubungan kerjasama antara sekolah dan masjid masih ditahap yang minima dan masih tidak kerjasama yang benar-benar kukuh sehingga membolehkan pelajar-pelajar belajar di masjid yang berhampiran. Malah, terdapat juga "konflik" antara pihak sekolah dan masjid berkaitan dengan pelajar-pelajar yang datang ke masjid khususnya ketika waktu solat Jumaat atau solat berjamaah.

Bagi melaksanakan masjid sebagai pusat pendidikan formal, guru-guru boleh membawa pelajar-pelajar mereka ke masjid bagi menjalankan pembelajaran yang berbentuk amali dengan mengubahsuai kandungan dan sukatan pelajaran Pendidikan Islam bagi disesuaikan dengan keadaan di dalam masjid (Ab. Halim *et.al.* 2003). Sebagai contoh, terdapat beberapa tajuk yang boleh diajar secara bersepadu di masjid antaranya dalam sukatan pelajaran Tingkatan 2 (Pendidikan Islam)

1. Bidang Tilawah al-Quran :
 - i. Segera bertaubat dan beristighfar
 - ii. Perpaduan asas kesejahteraan
2. Bidang Ibadah :
 - i. Solat Jama' dan Qasar
 - ii. Puasa Menjana Keperibadian Muslim
 - iii. Ibadah puasa
 - iv. Golongan yang harus berbuka puasa
 - v. Menghayati bulan Ramadhan
3. Bidang Sirah dan Tamadun Islam
 - i. Pembinaan masjid
4. Bidang Adab dan Akhlak Islamiyah
 - i. Memelihara kesucian masjid

Program seperti amat berkesan jika dapat dilaksanakan kerana terdapat sekolah-sekolah yang berdekatan atau bersebelahan dengan masjid. Ini bukan sahaja untuk pendidikan Islam sahaja, malah juga untuk mata-mata pelajaran yang lain. Budaya pembelajaran yang berasaskan masjid ini akan melahirkan sikap sayang dan suka serta mesra kepada masjid dalam kalangan pelajar-pelajar. Berikut adalah beberapa contoh kedudukan sekolah dan masjid yang berdekatan:


Rajah 1: Masjid-masjid yang berhampiran dengan sekolah



Rajah 1.1: Masjid al-Muqqarabin, Bandar Tasik Selatan, Kuala Lumpur



Rajah 1.2: Masjid Bandar Nilai, Negeri Sembilan



Rajah 1.3 Masjid al-Umm Bandar Baru Bangi

Modul pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam berasaskan masjid boleh dijadikan sebagai salah satu alternatif bagi mendidik anak-anak muda ataupun pelajar-pelajar Islam agar menjadi muslim sejati dan umat yang berakhlak tinggi. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di masjid ini diharap akan lebih mendapat hasilnya berbanding dengan bilik darjah. Ini kerana masjid merupakan tempat yang paling mulia di dalam Islam dan banyak keberkatan serta rahmat Allah s.w.t di dalamnya. Proses penyampaian ilmu di masjid diharap akan memberikan kesan yang mendalam di hati sanubari para pelajar untuk menghayati dan mengamalkan ilmu-ilmu Islam sebagaimana yang telah dibuktikan oleh Rasulullah s.a.w terhadap sahabat-sahabat Baginda yang mendapat pengajaran dan ilmu pengetahuan daripada Baginda. Sehubungan itu, guru besar atau pengetua harus dilantik menjadi ahli jawatankuasa masjid yang berhampiran untuk bersama-sama merancang dan mengimarah program-program yang dijalankan. Salah satu aspek pendidikan lain yang boleh diberikan tumpuan ialah pembelajaran Tahfiz al-Quran yang semakin berkembang dengan pesat di negara ini. Masjid-masjid yang mempunyai upaya kewangan dan tenaga akademik serta pengurusan boleh membantu maahad-maahad tahfiz al-Quran sebagai satu sumbangan dalam pendidikan formal al-Quran di masjid.

b. *One stop centre (pusat satu hentian) ilmu dan masyarakat*

Berdasarkan keadaan di Malaysia sekarang, kebanyakan masjid kelihatan lesu dan sunyi kecuali beberapa masjid sekitar bandar dan daerah yang aktif menjalankan kegiatan keagamaan. Program-program di masjid dan bentuk pembelajarannya perlu sesuai untuk menarik minat semua peringkat daripada kanak-kanak hingga dewasa. Pengisian terkini dan menarik seharusnya direka dan dibangunkan untuk memastikan pendidikan agama terus seiring dalam mengisi keperluan khusus masyarakat Islam dalam suasana kosmopolitan dan moden ini.

Pelbagai keadah pembelajaran boleh diperluaskan dengan mempraktikkannya melalui modul – modul secara atas talian atau bersemuka dalam pelbagai format, sama ada

dalam masjid atau persekitaran masjid pada hari biasa atau hujung minggu atau mengadakan rancangan intensif semasa cuti untuk para remaja dan kanak-kanak. Pendidikan Islam akan menjadi lebih berkesan kerana masjid yang pernah menjadi pusat kegemilangan dan kecemerlangan akan kembali berfungsi sebagai pusat penyebaran ilmu secara menyeluruh. Ini juga untuk mengelakkan masjid dan surau dikenali tempat orang-orang tua belajar kitab atau tempat kanak-kanak mengaji al-Quran dan Fardu Ain semata-mata. Oleh itu kajian dan pelan pembangunan dalam mengenal pasti keadah pembelajaran yang sesuai dengan persekitaran masjid, menghasilkan modul-modul latihan profesional dan perkembangan diri, kekeluargaan perlu difikirkan oleh pihak pentadbir masjid dan pakar-pakar yang berkaitan.

Ini dapat dilakukan dengan melihat beberapa model latihan yang ditawarkan di masjid-masjid di luar negara seperti Singapura, Indonesia, United Kingdom dan Australia. Antara program yang boleh ditawarkan ialah kaunseling remaja Islam, kaunseling rumah tangga, bimbingan pra-pasca perkahwinan, keibubapaan, kepimpinan masyarakat, bimbingan kerjaya serta kelas-kelas bimbingan akademik boleh dilaksanakan di masjid, pengurusan kenduri perkahwinan dan juga majlis kesyukuran serta hari keluarga. Masjid perlu dijadikan pusat khidmat masyarakat yang dapat digunakan secara maksima. Maka, keperluan yang penting ialah untuk membangunkan dewan serbaguna bagi keperluan masyarakat setempat.

Terdapat juga masjid yang berkemampuan menyediakan kemudahan sukan dan gimnasium bagi kemudahan masyarakat untuk beriadah dan bersukan. Ini menjadikan masjid hidup sepanjang masa untuk masyarakat. Bagi pelajar-pelajar yang lewat balik khususnya waktu petang, Masjid juga boleh dijadikan pusat hentian sementara bagi untuk pelajar-pelajar menunggu ibubapa mereka yang terlewat mengambil anak-anak mereka dan pihak masjid boleh membantu ibubapa menjaga keselamatan anak-anak mereka. Ini adalah satu program kebajikan yang memberi impak besar kepada anak-anak remaja masa kini.

Salah aspek baru yang boleh dilaksanakan oleh pihak masjid ialah pendidikan untuk orang kurang upaya yang mana pendidikan untuk golongan ini dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia masih baharu. Pihak masjid boleh memberikan tumpuan kepada satu atau dua bidang kepakaran seperti buta, pekak, atau autisme. Ini merupakan tanggungjawab fardu kifayah kepada masyarakat Islam dalam pendidikan untuk golongan kurang upaya belajar agama mereka sendiri.

c. Pusat Dakwah, Pelindungan dan Latihan Saudara Kita

Masjid boleh meningkatkan tugas dalam dakwah jika masjid-masjid yang ada dapat berfungsi sebagai pusat dakwah, perlindungan dan latihan untuk sahabat-sahabat yang baru memeluk Islam. Ini akan membantu jabatan atau majlis agama Islam mendidik saudara baru dengan lebih berkesan lagi. Fungsi ini boleh dimulakan dengan penubuhan Jawatankuasa Dakwah Saudara Baru yang mengambil berat tentang saudara-saudara baru yang ada di sekitar kariah masjid tersebut. Masjid boleh menyelaras surau-surau yang dibawah pengurusannya melaksanakan program untuk saudara baru secara kolektif. Program ziarah dan dakwah yang berterusan boleh dijalankan dengan lebih berkesan lagi kerana mereka lebih memahami suasana dan keperluan masyarakat sekitarnya. Sehingga kini tidak banyak masjid yang menjalankan aktiviti-aktiviti aktif kepada saudara baru. Kebanyakkan program

yang dijalankan lebih banyak berlegar dalam masyarakat Islam sahaja dan tidak menjangkau kepada dakwah kepada masyarakat non-muslim. Program kampung angkat oleh masjid dan surau akan menjadikan program dakwah non muslim lebih berkesan. Sehingga kini, peranan masjid secara langsung terhadap dakwah kepada non-muslim masih berada pada tahap yang minima.

d. Pusat Pembangunan Teknologi Informasi dan Komunikasi (ICT) Ummah

Dengan arus pemodenan yang sangat pesat, persekitaran sosial yang mencabar kian meruncing. Agenda mengimarahkan masjid sepatutnya ditangani secara serius oleh pimpinan masjid menerusi strategi yang mesra masyarakat dengan mewujudkan ruang untuk remaja supaya mereka berasa lebih selesa ketika berada di masjid. Sesuai dengan itu, ledakan teknologi maklumat yang memberi kesan kepada masyarakat pengguna di Malaysia perlu digunakan. Dalam konteks ini, perlu ada perlantikan perjawatan yang tetap atau kontrak bagi pegawai ICT Masjid yang akan bertanggungjawab menguruskan ICT bermula dari segi teknikal komputer, mengedali kelas-kelas ICT, hinggalah kepada membangunkan laman web masjid yang interaktif

Langkah ini akan membantu pihak masjid menyebarkan maklumat aktiviti- aktiviti masjid, jadual pengajian, koleksi khutbah, program *preview* akan datang, tazkirah dan lain-lain program melalui laman web serta menjadi saluran komunikasi ahli kariah melalui ruangan forum yang diwujudkan. Masjid boleh menyediakan kemudahan komputer dan Wi-Fi/UNIFI atau program ilmu dan kemasyarakatan secara on-line kepada masyarakat keseluruhannya. Ini secara tidak langsung akan memperbanyakkan laman-laman web berbentuk Islamik dalam mengisi kelompangan pengisian berbentuk kerohanian dan kemasyarakatan. Masjid-masjid perlu aktif dalam alam maya bagi mengatasi laman-laman sesawang yang negatif dan lucah yang terkira jumlah daripada seluruh dunia.

Sehubungan dengan itu, pendekatan dan strategi menggunakan ICT untuk P & P Islam berasaskan masjid perlu dirangka bagi merangsang dan menyuntik minat pelajar terhadap P & P Pendidikan Islam ke arah yang lebih baik. Ini kerana *e-Learning* dapat membekalkan pembelajaran masa nyata (*real-time learning*) atau membekalkan maklumat terbaru pada bila-bila masa. *e-Learning* melalui internet terutamanya dapat membenarkan pelajar mengikut pembelajaran di mana-mana tempat, berdasarkan keupayaan masing-masing serta mengikut kesesuaian masa sendiri. Masyarakat kini khususnya generasi sangat dekat dengan ICT dan kita perlu menjadikan masjid pusat rujukan ilmu secara maya atau fizikal. Masjid boleh menjadikan Pengajian Kitab Turath secara online sebagai salah satu niche masjid yang disiarkan secara maya dan kitab-kitab yang digunakan boleh didigitalkan bagi kemudahan masyarakat mempelajari kitab-kitab turath menggunakan kaedah kontemporari.

e. Pusat Dakwah Luar Masjid

Dalam usaha dakwah, masjid perlu membangunkan program khusus yang membolehkan “orang masjid” keluar berjumpa dengan masyarakat. Program bersama media dan pihak berkuasa seperti karnival masjid, hari terbuka masjid, kelab sukan dan rekreasi seperti futsal,

bola sepak, bola jaring, kelab motosikal dan basikal, pekhemahan dapat menarik orang ramai mendekati masjid. Hubungan “orang masjid” dengan masyarakat akan lebih rapat dan mereka akan dapat memberikan sumbangan yang maksimum. Terdapat juga cadangan untuk mewujudkan pasukan masjid dan menganjurkan liga permainan sukan seperti futsal, bola jaring, badminton, ping pong dan sukan ekstrem seperti mendaki gunung dan *rock climbing*, untuk menarik minat orang ramai khususnya generasi muda mendekati program-program yang dianjurkan seterusnya ini menjadi masjid sebagai pusat dakwah yang berkesan.

f. Pemantapan Pengurusan Masjid

Dalam konteks pengurusan masjid yang berkesan, aspek utama yang perlu diberikan tumpuan juga adalah berkaitan dengan pembangunan komuniti. Justeru itu, terdapat pihak yang perlu mengambil peranan untuk menyediakan platform bagi memenuhi keperluan untuk menyediakan imam-imam masjid untuk ditauliahkan sebagai Ketua Eksekutif Masjid (CEO). Ini dapat dilakukan dengan mendalami ilmu pengurusan masjid termasuk pembangunan komuniti dan pembangunan ekonomi

Satu program yang mantap perlu dibangunkan bagi memenuhi keperluan untuk menyediakan imam-imam masjid untuk ditauliahkan sebagai Ketua Eksekutif Masjid. Ini akan dapat meningkatkan perkembangan ilmu berkaitan pengurusan masjid dan pembangunan komuniti di kalangan masyarakat. Malah, ini dapat menyediakan keperluan kepada pengurus masjid menghadapi cabaran dalam kehidupan masyarakat yang lebih mencabar pada masa akan datang. Masjid pada masa hadapan adalah sebuah institusi yang penting dalam masyarakat kerana jangkauan yang luas dalam masyarakat. Maka masjid yang mempunyai kewangan yang baik perlu melantik seorang pengurus sepenuh masa yang mengurus dan membangunkan program dan ekonomi.

Terdapat beberapa aspek penting yang perlu diberikan kepada setiap pengurus masjid agar mereka mempunyai ilmu dan kemahiran dalam pengurusan dan pentadbiran masjid yang berkesan antaranya:

1. Asas Bahasa Arab
2. Asas Bahasa Inggeris/Tamil/Cina/Orang Asal
3. Tingkah laku pengurusan
4. Asas Pengurusan Masjid
5. Pengenalan kepada Teknologi Maklumat
6. Penghantar Psikologi Dalam Dakwah
7. Fiqh Kontemporari
8. Pengurusan Kewangan
9. Pengucapan Awam dan Andragogi
10. Maqasid Syariah
11. Metodologi Dakwah
12. Pemasaran Produk dan Perkhidmatan Masjid
13. Pembangunan Komuniti
14. Pengurusan Wakaf dan Zakat
15. Undang-Undang Pentadbiran Hal Ehwal Islam
16. Kemahiran al-Quran dan Taranum

4. Kesimpulan

Daripada perbincangan ini jelas bahawa peranan masjid yang ditunjukkan pada zaman Rasulullah saw dan zaman keemasan Islam, berjaya meletakkan umat Islam di puncak kecemerlangan dalam peradaban tamadun dunia. Sejarah telah membuktikan bahawa masjid memainkan peranan yang amat penting, bermula zaman awal Islam hinggalah sekarang. Kesemuanya bermula di masjid. Fakta sejarah ini akan dapat memperbetul dan menjernihkan semula persepsi dan kefahaman sesetengah anggapan yang kolot, sempit dan beku terhadap peranan masjid dalam sejarah kehidupan masyarakat Islam. Tanggapan salah bahawa masjid sebagai pusat ibadah khusus semata-mata mendatangkan kesan buruk terhadap kewujudan dan peranan masjid hari ini yang tidak dapat dimanfaatkan sebagai pusat ilmu pengetahuan kepada masyarakat. Sungguhpun mempunyai pelbagai kemudahan, kelengkapan fizikal dan kewangan, kuantiti dan kualiti program yang ada didalamnya perlu dipertingkatkan ke tahap maksima. Peranannya yang pelbagai dan melangkaui banyak aspek kehidupan mampu menjadi tonggak kepada pengukuhan masyarakat Islam setempat dan sezaman.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, Shahrin Awaluddin, Tajul Ariffin Nordin. 2003. Laporan Akhir Penyelidikan Jangka Pendek GG06/2001. Fungsi Surau dan Keberkesannya dalam Pengajaran Pendidikan Islam: Satu Kajian di Sekolah-sekolah Menengah Negeri Selangor. Fakulti Pendidikan, UKM.
- Abd. Shukor Mohd. Ali. 2008. Modul Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Berasaskan Masjid: Satu Kajian Di Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Rawang, Bandar Tasik Puteri, Rawang, Selangor. Kertas projek Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Mohd. Salleh. 2004. *Pendidikan Islam : Falsafah, Sejarah dan Kaedah Pengajaran Pembelajaran*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Ab Halim Tamuri, 2019. *Pendidikan Islam, Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Lokman Ab. Rahman, 2000. *Imarah Masjid Masa Kini*, Penerbitan Bersama JAIM dan MAIM. Bkt Katil, Melaka.
- Lokman Ab. Rahman dan Musa Ahmad, 1996. *Pengantar Sains Pengurusan Masjid*. Shah Alam : Angkatan Edaran Enterprise Sdn. Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2004. *Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan Dua KBSM*. Kuala Lumpur : dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Tajuddin Mohamad Rasdi. 1998. *The Mosque As A Community Development Centre: Programme And Architectural Design Guidelines For Contemporary Muslim Societies*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia
- Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi. 1999. *Peranan, Kurikulum Dan Reka Bentuk Masjid Sebagai Pusat Pembangunan Masyarakat*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Shaikh Ali Mohamad Mokhtar, 2003. *Peranan Masjid dalam Islam*. YADIM. Kuala Lumpur.